

Pengkaedahan Penterjemahan Bidalan Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Inggeris

Proverbs Translation Methods from Malay Language to English Language

NUR NADIRAH ZUKEFLI & VIJAYALETCHUMY A/P SUBRAMANIAM

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada keberkesanan pengkaedahan penterjemahan bidalan dalam Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Inggeris menggunakan Google Translate dan juga melalui manual iaitu melalui pelajar (n=50) yang mengambil jurusan bahasa dan ianya hanya terbatas kepada pengetahuan responden. Pengkaji telah memilih seramai 50 orang responden. Responden untuk kajian terdiri daripada pelajar yang mengambil jurusan bahasa di Universiti Putra Malaysia. Pengkaji telah menganalisis kesesuaian bidalan sebenar Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Inggeris berdasarkan makna bidalan tersebut. Selain itu, kajian turut mengenal pasti keupayaan mesin penterjemahan menterjemah bidalan-bidalan Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Inggeris. Kajian ini melibatkan kaedah pencarian maklumat melalui internet, kaedah kepustakaan dan kaedah tinjauan lapangan. Hasil dapatan dianalisis secara deskriptif. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa kaedah manual lebih tepat berbanding kaedah menggunakan mesin penterjemahan. Selain itu, kaedah manual lebih memberikan makna yang tepat bagi menterjemahkan sesuatu perkataan. Justeru, kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu dalam meningkatkan tahap pendidikan dalam negara ini seperti kepentingan kepada penyelidik, kepentingan kepada guru, bakal guru, dan pensyarah dan kepentingan kepada pelajar.

Kata kunci: Penterjemahan mesin; Google Translate; bahasa Melayu; bahasa Inggeris

ABSTRACT

This study focuses on the effectiveness of translation of the Malay proverbs into English using the Google Translate application. The translation process employed manual translation survey among students (n=50). Respondents for the study consist of students who take a language course at Universiti Putra Malaysia. The study analyses the suitability of the Malay proverbs into English based on the actual meaning. The study also identifies several translation application machines before resolved to the Google Translate apps. This list of proverbs were searched through the internet and books. The manual translations were conducted through a survey questionnaire among 50 university students who took language course. The researcher used field research method by submitting a questionnaire, translation machine and bilingual related dictionary used as an instrument in this study. The results were analyzed descriptively. The results of this study found that the manual method was more accurate than the method using the translation machine. Additionally, the manual method gives more meaning to translating a word. Hence, this study is expected to be utilized by certain parties in improving the education level in this country such as the interests of researchers, the importance of teachers, potential teachers, and lecturers and interests of students

Keywords: Translator machines; Google Translate; Malay language; English language

PENGENALAN

Bidalan adalah susunan bahasa yang menarik dan mudah untuk diingat. Ia merupakan bahasa kiasan yang digunakan untuk melahirkan fikiran yang tajam, tepat, mengandungi perbandingan, teladan, pengajaran, nasihat, dan kata-kata hikmat. Menurut Kamus Dewan (2007), bidalan merupakan kata-kata yang seringkali disebut dan mengandungi nasihat, peringatan. Bidalan termasuk dalam kiasan Melayu yang diamalkan dalam masyarakat Melayu ketika zaman dahulu dan tergolong dalam peribahasa

Melayu tradisional, namun pada masa ini, bidalan agak kurang diamalkan dalam kehidupan seharian.

Bidalan merupakan peribahasa yang berfungsi sebagai nasihat seperti perumpamaan. Bidalan juga mempunyai maksud dua lapis. Bagaimanapun, bidalan tidak didahului oleh kata sendi nama seperti, bagai, laksana dan umpama. Menurut Abdullah Hassan (1997) bidalan ialah pepatah atau peribahasa yang berfungsi sebagai nasihat. Kebanyakan bidalan menggunakan perkataan-perkataan seperti hendaklah, jangan, biar, lebih baik, harus dan usah.

Manakala menurut Indirawati Zahid (1993) bidalan merupakan cabang kekayaan bahasa yang dimiliki oleh semua bahasa dan merupakan satu ungkapan yang di dalamnya tersirat makna yang cukup mendalam lagi persis untuk tujuan kelancaran komunikasi. Bagi sebuah iklan, bahasa ialah kuasa. Ini disebabkan bahasa berupaya menentukan berjaya atau tidak sesebuah iklan bagi menarik perhatian khalayak atau pengguna terhadap produk atau perkhidmatan yang ditawarkan. Perbezaan antara bidalan dengan pepatah ialah bidalan lebih kerap digunakan, mempunyai nilai, ilmu dan pengajaran, sedangkan pepatah lebih ringkas sifatnya dan tidak mempunyai pengajaran. Pepatah juga merupakan perbilangan yang menggunakan kata bilangan. Menurut Mohd. Taib Osman (2004), untuk memahami puisi Melayu lama termasuk bidalan, kita mesti menyedari bahawa ada daya cipta yang

terkandung pada sesuatu bidalan tersebut, walaupun bentuk yang digunakan dalam sesuatu bidalan sudah pun ditentukan.

G. Soosai dalam Abdullah Yusof, Alias Mohd Yatim dan Mohd Ra'in Shaari (2009) menjelaskan bahawa bidalan mengandungi kata-kata sindiran, tetapi bersifat halus dan maksudnya mudah meresap ke dalam jiwa seseorang. Dengan mudahnya, maksud akan meresap ke dalam jiwa dan timbul pengajaran kepada seseorang terhadap sesuatu bidalan yang digunakan. Bidalan juga dilihat berfungsi sebagai peringatan atau nasihat untuk tujuan kebaikan kepada seseorang. Bidalan juga tidak terlepas daripada aktiviti penterjemahan, sudah banyak bidalan-bidalan bahasa Melayu yang diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa. Contoh bidalan yang terdapat dalam bahasa Melayu adalah seperti berikut:

JADUAL 1. Contoh bidalan bahasa Melayu

Bidalan	Maksud
Adat periuk berkerak, adat lesung berdedak Alur tempur, jalan berturut Belum duduk sudah belunjur	Jika ingin hidup mewah mestilah berusaha Melakukan sesuatu hendaklah menurut kebiasaan yang lazim Belum memperoleh sesuatu yang dihajati tetapi sudah berasa gembira
Biar genting, jangan putus Daripada cempedak baiklah langka Hidup segan mati tak mahu Yang baik dipakai, yang buruk dibuang Elok lenggang di tempat datar Biar buruk kain dipakai, asal pandai mengambil hati Cermat semasa banyak, jimat semasa sedikit	Biar rugi sedikit daripada rugi banyak Lebih baik ada daripada tiada langsung Hidup dalam kemelaratan, miskin dan selalu sakit-sakit Memilih kesesuaian sesuatu perkara itu hendaklah dengan bijaksana Bergembira haruslah pada tempat atau waktu yang sepatutnya Biar miskin, asalkan berbudi bahasa dan berhati mulia Selalu berhati-hati dalam membelanjakan atau menggunakan sesuatu.

Dalam masyarakat Melayu hari ini bidalan terus berperanan sebagai alat sindiran dan teguran yang amat praktikal dalam konteks mengkritik dan menegur dengan halus.

Penterjemahan atau alih bahasa ialah perbuatan mentafsir makna sesuatu teks dan menerbitkannya semula dalam bahasa yang lain. Tujuan penterjemahan adalah untuk menghasilkan satu karya terjemahan (teks sasaran) yang membawa makna yang sama dengan sesuatu karya bahasa asing (teks sumber). Penterjemahan merupakan satu aktiviti yang penting untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kerana ia membolehkan masyarakat menikmati ilmu pengetahuan daripada budaya asing. Biasanya, terjemahan merupakan pekerjaan manusia, tetapi selaras dengan perkembangan teknologi,

penterjemahan sudah boleh dibantu dengan mesin, iaitu penterjemahan mesin.

PERNYATAAN MASALAH

Bidalan bahasa Melayu amat bergantung kepada konteks penggunaan ayat. Bagi memperoleh makna sebenar sesuatu bidalan, konteks ayat mestilah ditentukan secara pragmatik melalui proses-proses pemilihan bahan rujukan, pengayaan ayat dan penyahtaksaan. Oleh sebab itu, maksud estetika bidalan dalam bahasa Melayu akan berubah jika menggunakan mesin penterjemahan. Sebagai contoh, bidalan '*marah nyamuk kelambu dibakar*' jika diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris

menggunakan mesin penterjemahan akan menjadi *'angry mosquito netting burned'*. Walhal, bidalan Bahasa Inggeris yang sama maksud dengannya ialah *'throwing out the baby with the bath water'*.

Kajian yang dijalankan oleh Mona Baker (2011), dalam *In Other Words : A Coursebook on Translation* antara masalah yang dihadapi adalah seperti yang berikut:

1. Bidalan atau ungkapan tetap mungkin tidak sama dalam bahasa sasaran.
2. Bidalan atau ungkapan tetap mungkin mempunyai rakan sejawatnya yang sama dalam bahasa sasaran, tetapi konteks penggunaannya mungkin berbeza iaitu dua ekspresi mungkin mempunyai konotasi yang berbeza, mereka mungkin tidak boleh dipinda milik secara pragmatik.
3. Bidalan boleh digunakan dalam teks sumber dalam literal dan deria idiomatik pada masa yang sama.
4. Simpulan bahasa dalam wacana bertulis sangat diperlukan. Penggunaan konteks mereka boleh digunakan, tetapi frekuensi penggunaan mungkin berbeza dalam bentuk bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Selain cabaran penerokaan makna sebenar yang tersirat dalam bidalan, kelainan penggunaan bahasa, corak pemikiran dan budaya turut menyukarkan proses pemindahan makna serta pengekaln semula bentuk ungkapan tetap ke dalam satu bahasa yang lain.

Goh dan Boh (2014), dalam mendapati bahawa penterjemahan chengyu bersifat lebih dinamik dan strategi penterjemahan yang diaplikasikan terpengaruh oleh tiga faktor yang utama, iaitu jenis chengyu yang hadir dalam teks sumber, konteks ayat dengan kehadirannya dan kesamaan dan kelainan konsep pemikiran antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Kajian ini juga turut menemui dua strategi baharu, iaitu strategi serangkaian yang melibatkan gabungan mana-mana dua strategi serta strategi pemberian makna sejadi. Usaha penerokaan makna chengyu secara menyeluruh serta penerapan strategi penterjemahan yang sesuai dan berkesan amat mustahak bagi menjamin ketepatan penyalinan semula makna di samping mengekalkan lambang dan bentuk yang sama ke dalam bahasa sasaran.

Berdasarkan beberapa kajian lepas seperti kajian yang dilakukan oleh Mohd Azrul Sulaiman, Khirulnizam Abd Rahman dan Shahrul Ridzuan Arshad (2014), Noraini Shahida Ishak dan M.

Masitah Mansor (2013), Farah Hanan Aminallah dan Muhammad Fauzi Jumingan (2012), Novia Arifatun (2012), Zewitra. (2011), Amirah Ahmad dan Rozaimah Rashidin (2011) dan Radiah Yusoff dan Wan Rose Eliza Abdul Rahman (2007), pengkaji mendapati masih terdapat lompong kosong dalam pengkajian mengenai penterjemahan bidalan tidak kira sama ada dalam bahasa Melayu mahu pun bahasa-bahasa lain. Aktiviti penterjemahan melibatkan dua peringkat yang penting, iaitu untuk meneroka makna teks sumber dan mengungkapkan kembali makna yang sepadan dalam bahasa sasaran. Selain cabaran dalam penerokaan makna yang sebenar dalam ungkapan sesuatu bidalan, kelainan penggunaan bahasa, corak pemikiran dan budaya juga turut menyukarkan proses penterjemahan serta pengekaln semula bentuk ungkapan yang tetap ke dalam satu bahasa yang lain.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

1. Mengenal pasti kesesuaian penterjemahan bidalan bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris.
2. Menganalisis keupayaan pengkaedahan mesin penterjemahan dalam menterjemahkan bidalan bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris.

SOROTAN KAJIAN

Fokus kajian ini adalah pengkaedahan penterjemahan bidalan bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris untuk dijadikan sebagai tajuk kajian. Pelbagai sorotan kajian yang terdahulu daripada pelbagai latar belakang pengkaji dapat dimanfaatkan untuk menyokong kajian ini

Mohd Azrul Sulaiman, Khirulnizam Abd Rahman dan Shahrul Ridzuan Arshad (2014), dalam kajiannya membincangkan tentang reka bentuk dan aplikasi pengesanan automatik peribahasa Melayu pada platform mudah alih. Aplikasi ini telah dibangunkan untuk mengenal pasti peribahasa dalam teks Melayu, kemudian memaparkan maksud sebenar daripada kamus. Proses pengenalanpastian dilakukan dengan menggunakan pendekatan melihat hadapan (*look ahead*) dan padanan corak rentetan (*string pattern matching*). Walaupun peribahasa yang mencantikkan kesusasteraan Melayu, namun

ini membawa cabaran untuk terjemahan mesin sejak peribahasa tidak boleh diterjemahkan secara literal, tetapi logikal (Dmitra 2010).

Noraini Shahida Ishak dan Masitah Mansor (2013), dalam kajiannya telah meneliti pengungkapan pemikiran Melayu melalui saluran iklan, mendedahkan hubung kait fungsi peribahasa dan iklan dalam penyampaian mesej dan memperlihatkan kemampuan peribahasa dan dalam usaha melahirkan atau memperkatakan idea baharu pada era milenium. Kajian ini dijalankan bagi meneliti peribahasa yang diterapkan dalam sesebuah iklan di Malaysia yang memancarkan pemikiran, pandangan dan fikiran masyarakat Melayu kini.

Farah Hanan Aminallah dan Muhammad Fauzi Jumingan (2012) dalam kajiannya ini ingin mencapai objektif, iaitu menilai dan menganalisis perbandingan antara hasil terjemahan manusia dengan terjemahan mesin dalam menterjemah frasa Arab. Kertas kerja ini menganalisis terjemahan yang dilakukan *Google Translate* dalam menterjemah kolokasi Arab dan buku Frasa Idiomatik Arab dan Ertinya digunakan bagi mengukur ketepatan makna yang dihasilkan oleh *Google Translate*. Teks terjemahan yang dianalisis iaitu novel al-‘Ankabut karya seorang penulis terkenal Mesir, iaitu Mustafa Mahmud. Kajian ini dapat membuka ruang untuk memberikan idea kepada pengkaji untuk melakukan kajian tentang penterjemahan bidalan bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris. Selain itu juga, kajian ini juga turut mengukuhkan lagi kajian penterjemahan yang dilakukan oleh manusia sendiri dan juga kajian yang dilakukan dengan bantuan *Google Translate*.

Novia Arifatun (2012) dalam kajiannya ini ialah bertujuan untuk mengetahui kekuatan *Google Translate* dalam proses menterjemahkan teks dalam dua bahasa yang berbeza dan mendeskripsikan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dalam penelitian objek kajian. Penelitian ini diharapkan memberi manfaat bagi para pengkaji bahasa untuk meminimumkan penggunaan *Google Translate* serta menganalisis hasil penterjemahan terutamanya dalam struktur tatabahasanya. Penterjemahan tidak dapat dilakukan tanpa penguasaan yang memadai terhadap bahasa asing. Kemampuan dan penguasaan bahasa Arab misalnya, harus ditingkatkan dan dikembangkan kerana setiap bangsa dituntut untuk mampu berkomunikasi dengan bangsa lain dalam segala aspek kehidupan, terutamanya untuk menyerap informasi dan ilmu pengetahuan serta teknologi untuk memperluas cakerawala bangsa sejalan dengan keperluan pembangunan.

Zewitra (2011) dalam kajian yang dilakukannya berdasarkan oleh ‘fakta’ bahawa masyarakat cenderung menggunakan aplikasi *Google Translate* untuk membantu mereka dalam menterjemahkan sebuah teks daripada satu bahasa ke bahasa lain. Oleh kerana itu, penelitian ini bertujuan untuk mengidentifikasi kualiti ketepatan dan kenaturalan *Google Translate* dalam menterjemahkan *vocative text* (teks persuasif) dalam bahasa Inggeris ke bahasa Indonesia. Di samping itu, penelitian ini juga dimaksudkan untuk mengetahui jenis terjemahan yang cenderung dihasilkan oleh *Google Translate*. Jenis penelitian ini adalah penelitian deskriptif yang berpijak pada fakta yang dijumpai daripada hasil terjemahan teks persuasif yang di produksi oleh *Google Translate* itu sendiri. Sumber-sumber data berupa teks-teks persuasif berbahasa Inggeris, diambil daripada kekemasan produk ataupun iklan yang terdapat dalam suratkhbar. Teks tersebut kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Indonesia dengan menggunakan aplikasi *Google Translate*.

Amirah Ahmad dan Rozaimah Rashidin (2011) dalam kajiannya telah mendapati bahawa terdapat perbezaan budaya Melayu-Inggeris biasanya yang menyebabkan para penterjemah menghadapi pelbagai kesukaran dalam memahami makna sesuatu peribahasa. Hal ini kerana, makna sesuatu peribahasa itu biasanya ditentukan oleh latar belakang budaya, pengalaman dan topologi kognitif (struktur skema imej) pengguna atau penutur kedua-dua bahasa ini. Kajian ini membahaskan pemindahan simbolisme “AIR” dalam peribahasa bahasa Melayu ke dalam peribahasa bahasa Inggeris dengan tujuan memperlihatkan kebolehterjemahan simbolisme tersebut dalam bentuk topologi kognitif.

Kajian Radiah Yusoff dan Wan Rose Eliza Abdul Rahman (2007) telah memperlihatkan kepada kita kemampuan pemindahan teks sumber ke dalam teks sasaran dengan menggunakan penterjemahan berbantuan komputer. Skop kajian dihadkan kepada penterjemahan makna denotasi frasa nama mudah am dan khas sahaja. Kedua-dua aspek ini merupakan titik perbezaan dengan kajian pengkaji. Kajian yang dilakukan ini sedikit sebanyak dapat membantu penyelidik untuk memahami kemampuan penterjemahan yang dilakukan dengan berbantuan komputer dalam meneroka kemampuan penterjemahan bidalan sama ada maksudnya lebih tepat atau sebaliknya.

Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini merangkumi definisi penterjemahan Larson (1984) yang menekankan kepentingan pemindahan

makna ke dalam bahasa sasaran dalam proses penterjemahan. Beliau mengutarakan dua keadaan ketepatan terjemahan, iaitu terjemahan tepat dan terjemahan tidak tepat. Bawah terjemahan tidak tepat, terdapat empat keadaan ketidaktepatan, iaitu keadaan pengurangan makna, penambahan makna, pengosongan makna dan juga perbezaan makna, berdasarkan terjemahan tidak tepat umum mengetahui apabila sesuatu bidalan telah diterjemahkan kepada bahasa lain seperti bidalan bahasa Melayu yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris maksud yang ingin disampaikan mungkin tidak sama dengan maksud bidalan tersebut sebelum ianya diterjemahkan ke dalam bahasa lain ini bererti terdapat pengurangan makna, penambahan makna, pengosongan makna dan juga perbezaan makna yang terjadi kepada sesuatu bidalan yang telah diterjemahkan.


Berdasarkan sorotan kajian yang telah dihuraikan, pengkaji mendapati terdapat banyak lompang kosong dalam kajian lalu yang dapat membantu untuk pengkaji menjalankan kajian ini telah sedikit sebanyak telah membuka sedikit ruang dan juga idea kepada pengkaji untuk menjalankan kajian mengenai pengkaedahan penterjemahan bidalan bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris dengan lebih terperinci lagi.

METODOLOGI

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah tinjauan lapangan yang dilakukan buang untuk memperoleh data melalui pemerhatian dan juga mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Menurut Leedy (1993) menjelaskan bahawa kaedah tinjauan adalah satu cara untuk mengumpul maklumat yang menerangkan sifat pelbagai set data termasuk data yang merangkumi pandangan dan sikap. Maklumat yang diperolehi juga boleh digunakan untuk menyatakan keadaan sebenar sesuatu perkara berkaitan komuniti dalam konteks yang tersendiri. Maklumat yang diperolehi juga boleh digunakan untuk menjawab persoalan-persoalan yang telah dinyatakan pada awal kajian. Beliau mengakui bahawa kajian tinjauan deskriptif bertujuan untuk menerangkan sesuatu keadaan atau bidang kajian dengan tepat, berpandukan fakta sebenar dan dilakukan secara sistematik. Kajian ini juga turut menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada 50 orang pelajar FBMK (UPM). Borang soal selidik ini mengandungi dua

bahagian, iaitu bahagian A dan B. Bahagian A ialah menumpukan kepada latar belakang responden manakala Bahagian B pula ialah menumpukan kepada pengetahuan tentang bidalan dan penggunaan mesin penterjemahan dalam kalangan responden. Terdapat 8 soalan yang perlu dijawab oleh setiap responden di dalam bahagian B. B (i) ialah 5 soalan pertama yang menguji pengetahuan responden berkaitan dengan bidalan, manakala B (ii) adalah 3 soalan yang menunjukkan penggunaan responden terhadap mesin penterjemahan. Responden hanya perlu menandakan ya atau tidak. Alat kajian yang digunakan untuk membantu kajian ini ialah kamus bidalan. Kamus digunakan sebagai bahan kajian untuk mengesahkan kesahihan sesuatu bidalan yang telah diterjemahkan oleh pelajar.

Pengkaji mengungkapkan mesin terjemahan sebagai bahan kerja terjemahan (*translator's work tools*) dan mempunyai maksud peralatan kerja seorang penterjemah yang sinonim dengan komputer peribadi (*Desktop* atau komputer riba) dan juga semestinya internet. Perkara ini penting kerana kini telah memasuki abad ke-21 dan secara mutlak semua penterjemah menggunakan kemudahan jaringan internet, komputer dan alat-alat elektronik lain untuk membantu kerja terjemahan mereka. Terjemahan manusia merupakan terjemahan yang dilakukan oleh individu atau penterjemah terlatih yang berkecimpung dalam bidang terjemahan. Mereka mempunyai kemahiran daripada segi menguasai dua bahasa, mengetahui bidang teks yang akan diterjemah, budaya dua bangsa dan nahu terjemahan dua bahasa tersebut serta pengalaman penterjemah sendiri. Susunan proses untuk menganalisis perbandingan digambarkan dalam bentuk carta alir seperti di bawah:



Carta alir analisis kajian pengkaedahan penterjemahan bidalan bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris.

ANALISIS DATA KAJIAN

Penganalisan data kajian menggunakan kaedah analisis kandungan (*content analysis*) kerana tertumpu kepada kajian korpus (pepatah, bidalan dan perumpamaan) yang berbentuk deskriptif. Analisis data melibatkan dua kategori perbandingan seperti yang telah ditentukan, iaitu:

1. Terjemahan *Google* mewakili mesin terjemahan.
2. Penterjemah pelajar jurusan bahasa Inggeris mewakili terjemahan manusia.


Analisis terjemahan bidalan oleh responden dijalankan secara deskriptif, iaitu dengan menggunakan korpus kajian bertajuk ‘*Kamus Pepatah, Bidalan dan Perumpamaan*’ karya Ainon Mohd dan Abdullah Hassan (2011). Data yang dianalisis dalam buku tertumpu pada paduan beberapa bidalan Melayu, antaranya “*Jika tidak dipecahkan ruyung di mana boleh mendapat sagunya*” dan “*Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri; baik juga di negeri sendiri*”. Analisis sampel kajian dihadkan kepada beberapa bidalan. Pemilihan sampel dilakukan secara rawak.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

DEMOGRAFI RESPONDEN


Responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar tempatan yang mengambil jurusan bidang bahasa. Sebanyak 70% borang soal selidik daripada semua responden telah berjaya dikumpul dan dianalisis secara kuantitatif. Menurut Noor Aina Dani (2009), pengkaji digalakkan menggunakan saiz *sampel* yang melebihi 30% kerana andaian taburan normal biasanya dipenuhi apabila saiz *sampel* melebihi 30%. Namun kajian ini berjaya mengambil sebanyak 70% daripada populasi. Daripada segi demografi responden, seramai 20 orang merupakan responden lelaki dan 30 orang responden wanita, iaitu 40% lelaki dan 60% responden wanita.

Jantina




RAJAH 1. Jantina Responden

Rajah 2 menunjukkan taburan umur responden yang terbahagi kepada 5 kumpulan. Kumpulan umur 25 tahun terdiri daripada 2% (seorang responden), kumpulan umur 24 tahun terdiri daripada 6% (3 orang responden) dan kumpulan yang berumur 23 tahun terdiri daripada 10% (5 orang responden). Selain itu, kumpulan yang berumur 22 tahun terdiri daripada 20% (10 orang responden) manakala kumpulan umur 21 tahun terdiri daripada 62% (31 orang responden). Hal ini menunjukkan bahawa responden yang paling ramai dalam kajian ini berumur 21 dan responden yang berumur 25 tahun pula merupakan responden yang paling sedikit terlibat dalam kajian ini.




RAJAH 2. Umur responden.

Demografi responden yang seterusnya merupakan program pengajian responden. Program pengajian responden yang terbahagi kepada dua kumpulan iaitu program pengajian Bahasa Inggeris dan bahasa lain. Kedua-dua program pengajian mencatatkan sebanyak peratus yang sama iaitu 50% atau 25 orang responden.



RAJAH 3. Program Pengajian Responden


Selain itu jenis kaum responden turut dimuatkan dalam demografi responden. Responden yang paling ramai ialah kaum Melayu iaitu 32 orang atau 64%. Seterusnya diikuti oleh kaum Cina iaitu seramai 10 orang responden (20%). Responden India seramai 3 orang iaitu (6%) dan lain-lain kaum ialah 5 orang responden (10%). Rajah 4 menunjukkan bilangan responden mengikut kaum. Kaum Melayu menunjukkan paling ramai kerana pengkaji merasakan pepatah, bidalan dan perumpamaan sangat berkait rapat dengan masyarakat Malaysia umumnya.



RAJAH 4. Taburan Responden mengikut kaum


PENGETAHUAN RESPONDEN

Terdapat 8 soalan yang perlu dijawab oleh setiap responden di dalam bahagian B. B (i) ialah 5 soalan pertama yang menguji pengetahuan responden berkaitan dengan bidalan, manakala B (ii) adalah 3 soalan yang menunjukkan penggunaan responden terhadap mesin penterjemahan. Responden hanya perlu menandakan ya atau tidak. Rajah di bawah menunjukkan keputusan yang berjaya diperolehi berdasarkan respons yang diberikan oleh responden. Hal ini berkaitan dengan penguasaan responden terhadap bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.



RAJAH 5. keputusan soal selidik B (i)

B (i) ialah 5 soalan pertama yang menguji pengetahuan responden berkaitan dengan bidalan.



RAJAH 6. Keputusan Soalan B (ii)

B (ii) adalah 3 soalan yang menunjukkan penggunaan responden terhadap mesin penterjemahan.

ANALISIS PENTERJEMAHAN BIDALAN BAHASA MELAYU KE DALAM BAHASA INGGERIS

Objektif 1: Mengenal pasti kesesuaian penterjemahan bidalan bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris

JADUAL 2. Analisis penterjemahan bidalan bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris.

Bidalan Melayu	Makna	Bidalan Inggeris
Sudah terhantuk baru tengadah	Setelah ditimpa musibah, baru hendak bertindak.	It's to late to lock the stable door after the horse has been stolen
Menepuk air di dalam dulang	Jangan dedahkan hal ehwal berbentuk peribadi atau masalah keluarga yang memalukan kepada orang luar.	Don't air your dirty linen in public
Kayu bengkok, masakan lurus bayangannya?	Orang yang sudah biasa berbohong akan disangsikan kebenaran katanya.	liar is not believed when he tells the truth
Biar berputih tulang, asalkan jangan berputih mata	lebih baik mati berjuang daripada menanggung malu kerana menyerah kalah	Better dead than dishonour
Periuk mengumpat belanga	Orang yang mengkritik atau mengata orang lain sedangkan dia pun sama seperti hal yang dikatakan itu.	The pot calling the kettle black
Tangan yang memberi lebih baik dari tangan yang menerima	Lebih baik kita memberi daripada menerima	It's more blessed to give than receive
Sediakan payung sebelum hujan - Asal ada kecil pun pada	Buat persediaan sebelum terlambat Lebih baik ada, walaupun sedikit, daripada tidak ada langsung.	Dig the well before you are thirsty Better a louse in the pot than no flesh at all
Jika kepalanya ular, takkan ekornya belut	Tanggapan orang, perangai manusia tidak akan berubah. Kalau pernah berbuat jahat, ia tentu akan mengulanginya.	Once a thief, always a thief
Bersatu teguh, bercerai roboh -	Maksud atau kejayaan boleh dicapai jika manusia bekerja sama dan tidak bertindak bersendirian.	Union is strength

Berdasarkan jadual 2 di atas, versi terjemahan bidalan bahasa Inggeris adalah merupakan jawapan yang telah diberikan oleh responden di dalam borang soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji, hampir 50% daripada responden telah memberikan

Berdasarkan dapatan objektif 1, pengkaji mendapati pelajar tempatan kurang menggunakan ayat bidalan dalam kehidupan mereka walaupun persepsi mereka terhadap minat untuk mengetahui makna bidalan bahasa Melayu adalah positif. Selain itu, pelajar bukan daripada kaum Melayu juga berasa susah untuk mengetahui makna tepat di sebalik ayat kiasan. Bersandarkan dapatan kajian objektif 1 ini, penyelidik akan menghasilkan beberapa senarai yang tepat untuk memberi pengetahuan kepada responden berkaitan kesesuaian bidalan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Hal ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pelajar bagi menggunakan bidalan dan menghargai khazanah bahasa yang diwarisi daripada nenek moyang kita. Jadual 2 di bawah merupakan hasil penterjemahan bidalan bahasa Melayu ke dalam bidalan bahasa Inggeris responden yang telah dianalisis.

jawapan yang betul dalam penterjemahan bidalan. Ini dapat dilihat dengan perbandingan yang telah ditunjukkan dalam jadual 2 di atas, penterjemahan bidalan bahasa Inggeris di atas adalah hasil daripada borang soal selidik yang telah diedarkan

kepada responden. Pencapaian pemahaman tentang bidalan Melayu menunjukkan mereka mempunyai pemahaman yang agak sama. Oleh kerana keputusan yang dicapai agak tepat bagi mereka, maka ianya tidak menjadi masalah kerana kajian ini adalah untuk menentukan tahap pemahaman mereka terhadap bidalan Melayu dan bidalan Inggeris. Walau bagaimana pun, bidalan yang tepat didapati dengan merujuk kepada beberapa pelajar yang

mengambil jurusan bahasa Inggeris kemudian diselarikan dengan pencarian di dalam buku dan internet.

Objektif 2: Menganalisis keupayaan pengkaedahan mesin penterjemahan dalam menterjemah bidalan-bidalan bahasa Melayu ke bahasa Inggeris.

1) Marah nyamuk, kelambu dibakar.

Penterjemahan mesin terjemahan	<i>Angry mosquito, nets burned.</i>
Penterjemahan manusia	<i>Throwing out the baby with the bath water.</i>
Maksud bidalan	Membuat masalah yang lebih besar hanya disebabkan perkara remeh.

2) Rambut Sama hitam, hati lain- lain.

Penterjemahan mesin terjemahan	<i>The same black hair, liver etc.</i>
Penterjemahan manusia	<i>Different folks, different strokes.</i>
Maksud bidalan	Tiap-tiap orang itu berlainan pendapatnya.

3) Jika tidak dipecahkan ruyung di mana boleh mendapat sagunya.

Penterjemahan mesin terjemahan	<i>If not broken bark, which can get consolation.</i>
Penterjemahan manusia	<i>He that would eat the fruit must climb the tree.</i>
Maksud bidalan	Jika mahukan sesuatu, haruslah berusaha dengan kuat.

4) Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri; baik juga di negeri sendiri.

Penterjemahan mesin terjemahan	<i>In the land of the golden rain, hail in their own country; both also in their own country.</i>
Penterjemahan manusia	<i>East, West, Home's the best.</i>
Maksud bidalan	Betapa baik pun tempat orang, baik lagi tempat sendiri.

5) Jangan membuka pekung di dada.

Penterjemahan mesin terjemahan	<i>Do no open pies in the chest</i>
Penterjemahan manusia	<i>Don't cry stinking fish.</i>
Maksud bidalan	Jangan ceritakan aib atau keburukan diri sendiri kepada orang lain.

Beberapa bidalan di atas telah diaplikasikan di dalam borang soal selidik untuk mendapatkan respons daripada 50 orang pelajar yang mengambil jurusan bahasa. Penterjemahan yang dilakukan oleh manusia berdasarkan pemahaman dan juga rujukan kepada kamus-kamus bidalan adalah lebih tepat berbanding dengan penggunaan *Goggle Translate* yang hanya menterjemahkan secara langsung tanpa memberikan apa-apa maksud yang berkaitan dengan bidalan yang ingin diterjemahkan. Data kajian yang diperolehi adalah lebih tepat dan kebanyakan borang soal selidik yang diterima dapat membuat

penterjemahan bidalan bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris dengan tepat. Walaupun bidalan yang diterjemahkan daripada ayat bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris adalah berbeza yang penting adalah mesej atau maksud yang ingin disampaikan dalam bidalan itu adalah sama.

Keupayaan mesin menterjemah bidalan tidak dapat dilakukan dengan tepat kerana bidalan mempunyai maksud yang tersurat dan tersirat. Oleh itu, manusia perlu menggunakan kebijaksanaan mereka untuk menterjemah bidalan. Daripada data kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa

penterjemahan manusia dengan merujuk kepada kamus bidalan lebih tepat maknanya berbanding dengan penterjemahan yang dilakukan oleh mesin penterjemahan. Terdapat banyak rujukan di internet, buku dan kamus serta pelajar yang mahir dengan kedua-dua bahasa yang boleh di jadikan rujukan untuk membuat penterjemahan dengan lebih tepat dan betul. Selain daripada itu kajian-kajian lepas seperti, Mohd Azrul Sulaiman, Khairulnizam Abd Rahman dan Shahrul Ridzuan Arshad (2014), Noraini Shahida Ishak dan M. Masitah Mansor (2013), Farah Hanan Aminallah dan Muhammad Fauzi Jumingan (2012), Novia Arifatun (2012), Zewitra (2011), Amirah Ahmad dan Rozaimah Rashidin (2011) dan Radiah Yusoff dan Wan Rose Eliza Abdul Rahman (2007) juga turut membantu penyelidik untuk mendalami dan mempelajari dengan lebih mendalam mengenai aspek-aspek penterjemahan bidalan yang tidak hanya menterjemahkan isi luaran sahaja namun ianya turut melihat kepada aspek makna sesebuah bidalan yang ingin diterjemahkan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji menyedari terdapat banyak sistem yang perlu ditambah baik termasuk memperkenalkan pendekatan yang lebih cekap dalam sistem *Google Translate* serta pengetahuan tentang bidalan dan pepatah Melayu dalam kalangan masyarakat Malaysia kerana makna penterjemahan bidalan Bahasa Melayu ke dalam Bahasa Inggeris dapat dilakukan dengan meneliti makna-makna bidalan, mencari kesesuaian bidalan bahasa Inggeris dan mengenal pasti perubahan yang berlaku semasa menggunakan mesin penterjemahan serta mengetahui keupayaan mesin penterjemahan dalam menterjemah terus sesuatu bidalan bahasa Melayu ke dalam bahasa Inggeris. Salah satu pendekatan yang akan dikaji adalah kaedah pengecaman kesamaan sintaktik yang dicadangkan oleh Dmitra (2010) untuk mengesan peribahasa Jerman. Pengecam bidalan Melayu ini adalah prototaip untuk uji kaji penggunaan kaedah pengesanan corak

rentetan, implementasi pada platform mudah alih dengan pangkalan data internet. Walaupun berharap ia dapat menyumbang kepada orang ramai dengan memudahkan pengecaman peribahasa Melayu serta mempelajari maksudnya.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. 1997. *Bahasa Melayu dan sebagai bahasa ilmu dan ese-esei lain*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ainon Mohd dan Abdullah Hassan. 2011. *Kamus Pepatah, Bidalan dan Perumpamaan*. Pahang: PTS Publication & Distributors. Bentong.
- Amirah Ahmad dan Rozaimah Rashidin. 2011. Terjemahan 'Air' dalam Peribahasa Melayu-Inggeris: Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Linguistik* 13:1-12.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi Keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 2004. *Budaya dan Bahasa Melayu: Masalah dan Harapan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mona Baker. 2011. *In Other Words: A Coursebook on Translation* (first Edition, 1992) Routledge; Revised and Extende Edition 2011.
- Mohd Azrul Sulaiman, Khairulnizam Abdul Rahman dan Shahrul Ridzuan Arshad. 2014. Aplikasi Pengesanan Automatik Peribahasa Melayu: Penterjemahan peribahasa Mobile. *Proceeding of The Global Summit on Education GSE 2014*. Kuala Lumpur.
- Noraini Shahida Ishak dan M. Masitah Mansor. 2013. *Peribahasa Gambaran Minda Melayu Dalam Penciptaan Iklan*. Selangor: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
- Novia Arifatun. 2012. Kesalahan Penterjemahan Teks Bahasa Indonesia ke Bahasa Arab Melalui Goggle Translate (Studi Analisis Sintaksis). *Journal of Arabic Learning and Teaching* 1(1).
- Noor Aina Dani. 2009. Aplikasi Kaedah Analisis - Kandungan: Gambaran Budi Bahasa dan Nilai Murni Orang Melayu dalam Buku Malay Courtesy. *Sari – International Journal of The Malay World Civilisation* 29(1): 121-136.
- Paul D.Leedy and Jeanne Ellise Ormrod. 1993. *Practical Research: Planing and Design*. Nothern Colorado: Published by Merrill.
- Radiah Yusoff dan Wan Rose Eliza Abdul Rahman. 2007. *Analisis Padanan Makna dalam Terjemahan Berbantuan Komputer*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zewitra. 2011. *An Analysis of Goggle Translate Quality in Translating English Vocative Teks Into Indonesia*. Padang: Universiti Negeri Padang, Indonesia.

Nur Nadirah binti Zukefli
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400, Serdang
Selangor Darul Ehsan
E-mel: nadirahzukefli@gmail.com

Vijayaletchumy a/p Subramaniam
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400, Serdang
Selangor Darul Ehsan
E-mel: letchumy1617@gmail.com

Diserahkan: 10 Mac 2018
Diterima: 21 Disember 2018

